

KPKT, MOF bincang bantahan penurunan nilai ambang pemilikan asing

BH ONLINE | Ahad, 13 Oktober 2019 | 7:27pm



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamarudin (tengah) bersama Pengarah Bomba Johor, Datuk Yahya Madis (tiga dari kiri) memotong kek sebagai kesyukuran Kerajaan mengumumkan pemberian Elaun Khas Skim Perkhidmatan Bomba sebanyak RM200 sebulan kepada 14,400 anggota pasukan itu, pada majlis lawatan di Balai Bomba dan Penyelamat Pekan Nenas. - Foto NSTP/Mohd Azren Jamaludin

PONTIAN: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan berbincang dengan Kementerian Kewangan (MOF) berhubung gesaan rakyat supaya kerajaan mengkaji semula cadangan menurunkan had harga kondominium dan pangsapuri yang boleh dibeli warga asing kepada RM600,000.

Jaminan itu diberikan Menterinya, Zuraida Kamarudin, yang mengakui turut menerima banyak maklum balas berkaitan cadangan berkenaan.

“Semua pihak perlu maklum cadangan itu adalah input daripada MOF. Namun, kami maklum dengan suara rakyat dan akan bawa berbincang isu ini dalam masa terdekat.

“Ini bagi membolehkan MOF meneliti semula cadangan itu berikutan maklum balas diberikan masyarakat. Kami hanya melaksanakan program berbeza iaitu Malaysia My Second Home (MM2H) dan cadangan dasar menurunkan harga rumah bukan di bawah tanggungjawab kementerian ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat Balai Bomba dan Penyelamat Pekan Nenas di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Mohd Rashid Hasnon dan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor, Datuk Yahya Madis.

Hari ini, BH Ahad melaporkan gesaan orang ramai supaya kerajaan mengkaji semula cadangan menurunkan had harga kondominium dan pangsapuri di kawasan bandar yang boleh dibeli warga asing daripada RM1 juta kepada RM600,000 seperti diumumkan dalam Belanjawan 2020.

Pelbagai pihak khawatir cadangan itu hanya mendorong pemaju membina lebih banyak perumahan pada harga sedemikian kerana mudah mencari pembeli dalam kalangan warga asing di negara ini, khususnya ekspatriat.